

PERTANIAN

Taman tanaman boleh jimat belanja harian

Apabila kita memikirkan mengenai penanaman sayuran di kawasan perumahan bandar, idea pertama biasanya ialah menyembunyikan kebun sayur di satu tempat kebiasaannya di belakang rumah. *Edible Garden* menawarkan alternatif yang amat sesuai dan praktikal kepada landskap kediaman konvensional. Tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan seperti sayur-sayuran kelihatan menarik untuk dipandang sama seperti tumbuhan berbunga selain menghasilkan buah-buahan dan sayur-sayuran.

Mengikut definisi dikeluarkan *Oregon State University*, *Edible Garden* ataupun *Edible Landscape* merujuk kepada landskap yang menggunakan tumbuhan yang menghasilkan makanan seperti sayuran dan buah-buahan dalam landskap kediaman. Ia menggabungkan buah-buahan, pokok kacang, sayur-sayuran, herba, bunga yang boleh dimakan dan tanaman hiasan lain ke dalam reka bentuk yang bernilai estetika.

Reka bentuk ini boleh menerima pakai apa-apa gaya taman dan landskap serta boleh memasukkan atau menanam mana-mana sahaja satu hingga 100 peratus spesimen tumbuhan yang boleh dimakan. Secara literalnya, ia adalah konsep taman yang menggunakan tanaman yang boleh dimakan ataupun taman sayur atau buah.

Banyak manfaat yang boleh diperolehi melalui pengaplikasian konsep *Edible Garden* di kawasan perumahan kita, antaranya dapat menikmati kesegaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang dituai terus dari kebun yang dibuat.

Selain itu, kita dapat memastikan tumbuhan yang kita makan adalah selamat daripada pencemaran racun perosak dengan ca-



Edible Garden memastikan tumbuhan yang dimakan selamat daripada pencemaran racun perosak.

[GAMBAR HIASAN]

ra mengawal penggunaan, kuantiti dan jenis racun perosak digunakan bagi tujuan menghalau serangga perosak dan mengawal pertumbuhan rumpai.

Jimat belanja harian

Konsep *Edible Garden* juga jelas dapat mengurangkan perbelanjaan harian pengguna serta menjimatkan masa untuk ke pasar raya bagi mendapatkan sumber makanan sayuran dan buah-buahan selain pengguna boleh mendapatkan hasil daripada tumbuhan-tumbuhan yang tidak dijual di pasar raya seperti buah nona yang amat sukar didapati di pasaran, buah ciku, daun selasih dan cekur.

Untuk memulakan projek *Edible Garden* di kawasan perumahan kita, banyak perkara yang perlu diambil perhatian untuk memastikan ia benar-benar menjadi dan berhasil.

Perkara utama yang perlu diambil berat ialah lokasi projek yang akan dibuat. Kebanyakan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran memerlukan enam hingga lapan jam cahaya matahari untuk memberikan hasil yang bermutu.

Tumbuhan menukarkan cahaya matahari kepada makanannya melalui proses fotosintesis kerana cahaya matahari adalah sumber utama untuk tumbuhan membesar. Oleh itu, kawasan yang ter-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

tutup ataupun yang agak terlindung daripada cahaya matahari menjadikan tumbuhan tidak boleh menghasilkan produk dengan produktif dan bermutu.

Selain itu, faktor ruang untuk tumbuhan membesar turut memainkan peranan penting. Kita mestilah memikirkan saiz matang sesuatu tumbuhan sebelum memulakan projek kerana ia mempengaruhi ruang yang disediakan untuk projek berkenaan.

Di Malaysia, konsep *Edible Garden* dipopularkan oleh isteri Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun Jeanne Abdullah pada Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAM 2008). Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) turut menyemarakkan projek *Edible Garden* melalui projeknya *Edible Garden FELDA* bagi membantu meringankan beban peneroka dalam perbelanjaan harian.

Selain mengurangkan perbelanjaan dan menjadikannya sumber makanan, ia juga menjadi

sumber pendapatan tambahan peneroka FELDA terutama sewaktu projek penanaman semula kelapa sawit sedang dilaksanakan. Antara matlamat utama projek *Edible Garden FELDA* ialah menjadikan FELDA sebagai pengeluar makanan pada peringkat global melalui pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan terancang selain mempertingkatkan pengeluaran sayur-sayuran melalui pengeluaran secara komersial dan pemasaran secara sistematik.

Pembabitan FELDA

Selain itu, FELDA mahu mewujudkan pemandangan kawasan perumahan dan kampung yang ceria dan menarik dengan konsep landskap yang mendatangkan hasil kepada peneroka FELDA. Antara tanaman yang biasa ditanam oleh peneroka FELDA bagi projek *Edible Garden FELDA* adalah lobak merah, kubis, kubis bunga, jagung, kailan, buah naga, terung, cili, markisa, kunyit, betik, pokok selasih dan keladi serta buah-buahan.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-9, bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan sektor pertanian sebagai antara penjana utama pertumbuhan ekonomi negara, sektor pertanian sentiasa diberi tumpuan khusus terutama aktiviti pengeluaran dan nilai tambah. Penekanan diberikan kepada beberapa aspek pembangunan pertanian termasuk pengeluaran berkualiti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Melalui pengaplikasian konsep *Edible Garden* secara menyeluruh di Malaysia, ia sebenarnya menyahut dan membantu kerajaan dalam merealisasikan hasrat tidak lagi perlu mengimport hasil tanaman dari luar negara bagi memenuhi keperluan rakyat, seterusnya berpotensi menjadi hab utama pengeluaran hasil pertanian serantau.

Muhammad Wa'iz Md Norman,
Universiti Sains Islam Malaysia